



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KPLB JALIN KERJASAMA LEBIH ERAT DENGAN KERAJAAN SINGAPURA DALAM PENDIDIKAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN KREATIF

PUTRAJAYA, 3 Feb. - Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB, mengorak langkah dengan menjalin kerjasama lebih erat dengan Singapura khususnya dalam bidang pendidikan teknologi dan kreatif.

Persefahaman kerjasama dua hala itu dicapai hasil perbincangan menerusi kunjungan hormat Menteri Kanan Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura, Masagos Zulkifli ke atas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid di Putrajaya hari ini.

Pertemuan lebih sejam itu berlangsung di Bangunan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB hari ini.

Selain bertukar pandangan dalam hal pembangunan sosial, turut disentuh Masagos dan delegasinya ialah rancangan untuk mengukuhkan kerjasama sedia ada dalam pendidikan keusahawanan, teknologi digital dan teknologi kreatif yang boleh memberi faedah dua hala terutama kepada masyarakat di luar bandar.

Masagos Zulkifli yang juga Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Hal Ehwal Ugama Islam Singapura mengharapkan sektor pelancongan

kedua-dua negara kembali rancak selepas Malaysia membuka sempadan antarabangsa bagi kemasukan pelancong asing terutamanya bagi industri eko dan agro pelancongan serta pelancongan kesihatan.

Beliau berada di Malaysia dalam rangka lawatan kerja rasmi selama tiga hari bermula hari ini.

Lawatan kerja rasmi ini bertujuan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura yang terjalin sejak 59 tahun yang lalu.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

#LuarBandarSejahtera

**YB. DATO' SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

3 FEBRUARI 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my